

**Leksikal *Qāla* [قال] dalam Dialog Naratif al-Quran:
Penelitian Makna Komunikatif Terjemahan Melayu**

***Lexical Qāla [قال] in Qur’anic Narrative Dialogues:
An Analysis of Communicative Meaning in Malay Translation***

*AZMAN CHE MAT¹

AZANI ISMAIL@YAAKUB²

NORASMAZURA MUHAMMAD³

¹Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun,
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

²Jabatan Bahasa Arab, Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia

³Quranic Language Division, Centre for Languages and Pre-University Academic
Development (CELPAD), International Islamic University Malaysia,
53100 Gombak, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: azman531@uitm.edu.my

Published online: 15 May 2019

To cite this article: Azman Che Mat, Azani Ismail@Yaakub and Norasmazura Muhammad. 2019. Leksikal *qāla* [قال] dalam dialog naratif al-Quran: Penelitian makna komunikatif terjemahan Melayu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 26(1): 51–87, <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.1.3>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.1.3>

Abstrak. Terjemahan merupakan wahana komunikasi yang melibatkan silang budaya dan penyampaian makna. Dalam proses penterjemahan, dua bahasa atau lebih digandingkan untuk mencapai satu makna yang disepakati. Makna yang betul sahaja secara relatifnya tidak menjamin komunikasi yang lancar dalam interaksi, khususnya dialog. Oleh itu, kajian ini memfokus pada terjemahan leksikal *qāla* [قال] dalam dialog al-Quran yang sering diterjemahkan sebagai “berkata”, “berfirman” dan “bersabda”. Kerangka teori terjemahan semantik dan teori terjemahan komunikatif oleh Newmark dan makna konteks dijadikan landasan kajian memandangkan al-Quran adalah sumber berwibawa yang sesuai dengan teori yang disebutkan. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan menilai terjemahan leksikal *qāla* dan derivasinya dalam al-Quran. Berdasarkan data yang dikutip daripada surah al-Kahf, analisis deskriptif terhadap dialog yang mengandungi 10 leksikal *qāla* menunjukkan terjemahan cenderung menterjemahkan leksikal *qāla* sebagai “berkata” dengan jumlah 48.2 peratus dan selebihnya menggunakan padanan daripada pelbagai variasi seperti “ujar”, “berfirman” dan “berdoa”. Analisis kontrasitif dan penilaian terhadap

terjemahan naratif dialog pula mendapati masih ada ruang untuk memantapkan terjemahan leksikal ini berdasarkan Teori Terjemahan Komunikatif agar dialog dalam al-Quran dapat dipersembahkan dalam naratif yang lebih menarik dan berkesan.

Kata kunci dan frasa: leksikal *qāla*, terjemahan semantik, makna komunikatif, naratif al-Quran, bahasa Melayu

***Abstract.** Translation is a communication tool that involves cross-cultural meaning. Therefore, the correct meaning of a translated linguistic form alone does not guarantee smooth communication, particularly in dialogues. This study focuses on the translation of the lexical form qāla [قال] in Qur'anic dialogues into Malay. The lexical form is often translated into Malay as "berkata", "berfirman" and "bersabda" (said/has said). The study is informed by the semantic translation theory and the communicative translation theory frameworks by Newmark. The objective of this study is to identify and evaluate the translation of lexical qāla and its derivation in selected Qur'anic dialogues. Based on data extracted from surah al-Kahf, a descriptive analysis of the dialogues containing the lexical form qāla [قال] shows that it is translated as "berkata" (said/has said) in many instances (48.2 percent) and as "ujar", "berfirman" and "berdoa" the rest of the time. A contrastive analysis and evaluation of the narrative translation of the dialogues suggests that there is room for strengthening these lexical translations based on the communicative translation theory. This is so that Qur'anic dialogues could be presented more interestingly and effectively.*

Keywords and phrases: lexical *qāla*, semantic translation, communicative meaning, Qur'anic narrative, Malay

Pendahuluan

Terjemahan al-Quran amat bermakna dalam konteks mewujudkan kemudahan untuk menghayati mesejnya secara umum dan dakwah (al-Zahabi 2005). Dalam hal ini, Hamka (1984, 23) menegaskan bahawa terjemahan al-Quran ke dalam bahasa lain tidak semestinya menjadikan bahan terjemahan tersebut sebagai al-Quran kerana kandungan asalnya dalam bahasa Arab mengandungi pelbagai rahsia. Meskipun begitu, usaha menterjemah perlu dipergiatkan daripada beberapa aspek, antaranya kualiti terjemahan dan penyesuaian laras bahasa. Terjemahan al-Quran menurut definisi yang menepati syarak ialah terjemahan huraian (tafsir) atau makna (al-Zahabi 2005; Mazlan, Kamarudin dan Muhd. Najib 2013). Berdasarkan premis ini, kajian terjemahan teks agama seperti al-Quran wajar dilakukan untuk memastikan kualiti hasil terjemahan adalah kemas dan betul serta penggunaan laras bahasa yang sesuai dengan makna teks asal untuk ditatapi oleh pembaca bahasa sasaran.

Makna merupakan unsur asas dalam penggunaan bahasa. Hal ini adalah kerana jika manusia berjaya mengeluarkan bunyi melalui ujaran, tulisan atau isyarat tanpa membawa sebarang makna, ia belum boleh dianggap sebagai satu bahasa. Aspek makna tidak boleh dipandang mudah oleh penterjemah dalam menterjemahkan sesuatu teks. Hal ini telah ditegaskan oleh Goh Sang Seong (2009) bahawa penterjemahan sebenarnya ialah kerja mencari padanan yang paling tepat dan sesuai dengan makna asalnya bagi kata-kata dalam teks sumber. Awang Had Salleh (1959, 635) menyebutkan bahawa pemahaman sesuatu makna juga sering dikaitkan dengan situasi-situasi yang amat berhubung rapat dengan pengalaman penutur dan pendengar untuk menghasilkan sesuatu gambaran. Namun, penghasilan gambaran yang betul-betul sama antara penutur dengan pendengar dianggap sukar kerana ketiadaan dua pengalaman yang betul-betul serupa. Hal ini adalah kerana hanya sebahagian ciri sesuatu bahasa adalah sejagat manakala selebihnya adalah ciri individu bahasa-bahasa itu; oleh sebab itu setiap bahasa mencipta dunianya sendiri dan seterusnya semantikanya sendiri (Palmer 1989).

Dalam kajian ini, aspek makna yang ingin dikaji ialah makna terjemahan yang dilakukan oleh penterjemah terhadap leksikal yang terdapat dalam al-Quran, iaitu makna leksikal *qāla* dan derivasinya. Leksikal *qāla* [قال] merupakan antara leksikal yang penting untuk difahami dalam terjemahan al-Quran. Hal ini disebabkan oleh kekerapan penggunaannya dalam kebanyakan surah, terutama apabila melibatkan pola perbualan. Justeru, pemahaman yang mendalam tentang konteks ayat amat perlu dalam menterjemahkan leksikal ini. Tinjauan awal mendapati leksikal ini cenderung diterjemahkan dengan makna “berkata” dan beberapa makna yang sentiasa didengari seperti “berdoa” dan “berfirman”, terutama apabila berkait dengan wacana kudus. Kecenderungan menterjemah dengan makna “berkata” dan beberapa makna yang biasa didengari ini sahaja tidak dapat memberi kesan mendalam kepada pemahaman pembaca karya terjemahan al-Quran, malah mengundang rasa jemu dan menghilangkan minat untuk meneruskan pembacaan.

Makna memainkan peranan yang penting kerana pembaca karya terjemahan biasanya tidak menguasai bahasa sumber (Bsu). Oleh itu, penterjemah perlu mendalami ilmu berkaitan teori makna. Menurut Nida (1999, 8), makna merupakan satu set perhubungan yang terhasil dalam simbol lisan melalui satu lambang (perkataan). Beliau turut menjelaskan bahawa rujukan bagi simbol lisan tidak semestinya suatu objek dalam alam praktis, tetapi ia merupakan suatu konsep atau set konsep yang mungkin ditanggapi orang ramai tentang objek, peristiwa, abstrak dan perhubungan.

Apabila disebut leksikal *qāla* dan derivasinya, sudah tentu terbayang dalam fikiran penterjemah bahawa ia membawa makna “berkata” atau “bercakap”. Gambaran ini merupakan terjemahan kamus atau terjemahan secara literal. Sebagai bukti, makna tersebut sememangnya terdapat dalam kamus-kamus Arab-Melayu di Malaysia. Setelah penelitian dibuat oleh pengkaji dalam kamus-kamus dwibahasa Arab-Melayu dan Arab-Inggeris, berikut dinyatakan ringkasan makna leksikal *qāla* dalam beberapa kamus Arab-Melayu-Inggeris:

1. *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (KBAMD) (Osman et al. 2006, 1945–1946) merekodkan makna *قَالَ يَقُولُ قَوْلًا مَقَالًا مَقَالَةً* dengan makna “berkata-kata” dan “bercakap”. Derivasinya pula boleh dibahagikan kepada *فَاعِلٌ* *fāʿil*, iaitu pelakunya adalah *قَائِلٌ* manakala *مَفْعُولٌ* kata *mafʿūl* pula adalah *مَقُولٌ* *maqūl*.
2. Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1350H, 162) dalam *Kamus Arab-Melayu Al-Marbawi* (KAMAM) mencatatkan makna leksikal *qāla* dengan makna “berkata ia” atau “bercakap ia”.
3. Kamus tiga bahasa, iaitu *Al-Miftah Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris* (MKMAMI) (Mohd Khairi, Mohd Fuad dan Mohd Nazri 2010a, 1312) menyebut leksikal *qāla* sebagai “berkata, bercakap”.
4. *Kamus Arab-Melayu Oxford* (KAMO) oleh Abdul Rauf Hassan, Norainawati Hamzah, Khairul Amin dan Abdul Halim (2005, 305) menyebut leksikal *قَالَ - تَكَلَّمَ : يَقُولُ* sebagai “berkata, bercakap”.
5. Kamus berbahasa Inggeris, iaitu *Al-Mughni al-Farid ‘Araby-Englīzi* oleh Hassan Saʿīd al-Karmy (2000) menyebut *قَالَ - يَقُولُ - قَوْلًا* dengan makna “to say, to state, to tell, to maintain”.
6. Rohi Baalaki (1999, 845) dalam *‘Al-Mawrid: Qāmūs ‘Arabī-Injilīzī’* bagi entri *قَالَ* menyebut makna leksikal ini sebagai “to say, tell, to speak, stand up for, to maintain, hold, state, to allege, claim”.

Beberapa contoh pemaknaan leksikal *qāla* yang diberikan oleh sarjana leksikografi di atas memberikan gambaran bahawa makna bagi leksikal *qāla* lebih terarah kepada makna-makna tertentu sahaja. Makna tertentu yang direkodkan dalam kebanyakan kamus dwibahasa Arab-Melayu boleh disifatkan sebagai makna denotasi, iaitu makna yang belum dilatari oleh konteks. Makna denotasi sesuatu leksikal akan berubah apabila digunakan dalam pola kolokasi seperti yang terdapat dalam dua kamus dwibahasa Arab-Inggeris seperti dalam sampel 5 dan 6. Kempson (1991) mengutarakan cara menjelaskan makna dijalankan sama ada dengan mengaitkan makna dan rujukan, aplikasi teori imej makna mahupun menghubungkan makna

dengan konsep. Menurut beliau lagi, bagi mendapatkan perkaitan makna dengan konsep, analisis komponen makna dijalankan untuk menzahirkan sejelas mungkin hubungan sistematis antara perkataan. Oleh itu, dalam kajian ini di samping mengemukakan makna denotasi yang merujuk kepada kamus dwibahasa, iaitu bahasa Arab-Melayu, pengkaji juga menjalankan analisis komponen makna pada kata padanan bahasa Melayu untuk leksikal *qāla* daripada bahasa sumber.

Persoalan Kajian

Berdasarkan tinjauan awal, dalam menterjemahkan leksikal *qāla* ini, penterjemah biasanya menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu dengan maksud “berkata” yang sepatutnya perlu difahami dengan mendalami fungsi perkataan tersebut mengikut konteks ayat yang lebih luas. Dalam keadaan tertentu, leksikal *qāla* dan derivasinya dalam terjemahan al-Quran boleh ditemui padanannya sebagai “berkata”, “menjawab”, “bertanya”, “berdoa” dan sebagainya mengikut konteks ayat. Situasi ini boleh dilihat apabila penterjemah menterjemah leksikal *qāla* untuk makna “berkata” dalam dua ayat al-Quran berikut seperti yang terdapat dalam terjemahan *Tafsīr Fī Zilālil Quran* (TFZQ) terbitan tahun 2000.

❁ وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ أَرَزَرَ اتَّخِذُ أَصْنَامًا ءَالِهَةً إِنِّي أَرَىٰ أَعْيُنَ النَّاسِ عَلَىٰ صَلَاتِي
 مُبِينٍ ﴿٧٤﴾

Glos: Dan apabila berkata Ibrahim kepada ayahnya Azar “mengapa engkau menjadikan berhala-berhala tuhan? Sesungguhnya aku melihatmu dan kaummu dalam kesesatan yang nyata”.

Terjemahan: Dan (Kenangilah) ketika Ibrahim berkata kepada bapanya, Azar: “Wajarkah ayahanda mengambil berhala-berhala sebagai tuhan? Sesungguhnya anakanda melihat ayahanda dan kaum ayahanda di dalam kesesatan yang amat nyata” (Surah al-An‘ām: 74).

Apabila diamati dengan mendalam berdasarkan konteks ayat, terjemahan dengan makna “berkata” pada leksikal *qāla* boleh mengurangkan semangat atau unsur komunikatif dan kesan kepada pembaca seperti yang ditegaskan oleh Newmark (1993). Bagi menambahkan unsur komunikatif kepada pembaca, leksikal *qāla* dalam ayat tersebut sepatutnya diterjemahkan dengan perkataan yang sesuai dengan laras dan konteks ayat. Penggunaan terjemahan “berkata” semata-mata bagi setiap leksikal *qāla* dan derivasinya dalam al-Quran juga dianggap kurang kesannya kepada pembaca kerana setiap ayat mengandungi konteks tersendiri yang perlu difahami. Hal ini adalah kerana ekspresi Nabi Ibrahim AS adalah dalam

bentuk bertanya untuk mendapat kepastian. Oleh itu, satu terjemahan yang sesuai dengan konteks ayat mesti diberikan. Berdasarkan ayat ke-8 dan ke-74 surah al-An‘ām, leksikal *qāla* lebih sesuai diterjemahkan dengan makna “bertanya” seperti berikut:

Dan (Kenangilah) ketika Ibrahim bertanya kepada bapanya, Azar: “Wajarkah ayahanda mengambil berhala-berhala sebagai tuhan? Sesungguhnya anakanda melihat ayahanda dan kaum ayahanda di dalam kesesatan yang amat nyata” (Surah al-An‘ām: 74).

Sesungguhnya konteks memainkan peranan penting dalam menentukan sesuatu makna leksikal. Oleh itu, pematuhan terhadap konteks ayat perlu diambil berat dalam proses penterjemahan bahasa Arab-Melayu. Hal ini adalah kerana tidak semua perkataan boleh diterjemahkan secara denotasi tanpa diperhalusi terlebih dahulu konteks ayat tersebut. Bahkan dalam menterjemahkan ayat al-Quran, seseorang penterjemah perlu mendalami dan memahami konteks ayat al-Quran agar terjemahan yang dihasilkan tepat dan difahami. Jika penterjemah mengabaikan aspek konteks ayat dengan berpandukan kamus semata-mata, nescaya hasil terjemahan yang dilakukan tidak dapat difahami dan dihayati oleh pembaca secara menyeluruh.

Bagi mengukuhkan lagi pandangan pengkaji, analisis komponen makna dilakukan kepada kata padanan terjemahan bahasa sasaran (Bsa), iaitu “bertanya” untuk leksikal *qāla* seperti berikut:

Berkata:	+bersuara	–meminta	–respons
Bertanya:	+bersuara	+meminta	+respons

Berdasarkan analisis ini, dapat diperhatikan perbezaan yang terdapat antara “bertanya” dengan “berkata”, iaitu komponen makna bagi “bertanya” lebih tepat dengan konteks dialog itu yang menjurus kepada soal jawab antara Nabi Ibrahim AS dengan bapanya, Azar. “Bertanya” membawa maksud meminta supaya diberitahu tentang sesuatu, meminta keterangan (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2005).

Bertitik tolak daripada permasalahan ini, pengkaji memfokuskan dua objektif utama kajian: pertama, untuk mengenal pasti dan menganalisis terjemahan leksikal *qāla* dan derivasinya di samping merumuskan pilihan terjemahan leksikal *qāla* dan derivasinya; kedua, untuk meneliti kekontekstualan terjemahan leksikal *qāla* dan derivasinya berpandukan *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, *Kamus Arab-Melayu al-Marbawi*, *Kamus Arab-Melayu Oxford* dan *Al-Miftāh Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris*. Manakala terjemahan *Tafsir fi Zilālil Qur’an* oleh Yusoff

Zaky dikhususkan sebagai bahan utama kajian agar dapat membantu menyuluh kesamaran dan merungkai kekeliruan yang mungkin sahaja dihadapi pembaca yang berminat untuk menekuni terjemahan al-Quran. Kajian ini juga mempunyai dua kepentingan berikut:

1. Membantu dan menyediakan panduan kepada penterjemah ketika melakukan aktiviti terjemahan, khususnya dalam menterjemahkan leksikal *qāla* dan derivasinya yang terdapat dalam al-Quran al-Karim.
2. Menjadi bahan sokongan dan kritikan yang membina dalam menghasilkan terjemahan yang bermutu untuk diguna pakai oleh peminat dalam bidang terjemahan, pengkaji mahupun penterjemah.

Teori Terjemahan Semantik dan Komunikasi

Newmark (1981), seorang sarjana yang ternama telah memelopori teori semantik (TS) sebagai salah satu teori terjemahan yang terkenal dalam bidang terjemahan. Menurut teori ini, terjemahan merupakan usaha untuk menghasilkan setepat dan sedekat mungkin ujaran penulis asal dalam bahasa sasaran. Kesan daripada prinsip ini, budaya bahasa asal atau unsur budaya teks sumber terjemahan menurut perspektif ini tergambar dalam hasil terjemahan. Ia membantu pembaca dalam memahami konotasi yang melibatkan utusan dan mesej penting dalam teks asal. Berdasarkan teori ini juga, kerja terjemahan ini dianggap seolah-olah cuba mencipta semula nada dan sifat khusus teks asal dengan lebih tepat. Terjemahan semantik juga berorientasikan teks sumber dalam proses terjemahan. Hal ini bermaksud segala maklumat atau makna yang terkandung dalam teks sumber dibawa kepada bahasa sasaran dengan setepatnya.

Sementara itu, teori komunikatif (TK) merupakan satu konsep yang menyatakan bahawa penterjemahan ialah suatu proses komunikatif yang melibatkan faktor konteks sosial. Muhammad Fauzi (2006, 9) menyebut bahawa penterjemahan ini lebih mengutamakan kehendak dan keperluan tahap bahasa khalayak sasaran atau penerima. Pengolahan teks sumber yang hanya dianggap sebagai sumber mesej perlu disesuaikan mengikut selera pembaca sasaran. Hakikatnya, TK tidak jauh takrifannya daripada takrif komunikasi. Jika ditinjau dalam definisi bahasa Melayu, maksud komunikasi ialah interaksi atau perhubungan dua pihak dalam pertukaran atau pemindahan maklumat; sebagaimana Harimurti (1984, 136), menyebut bahawa komunikasi merupakan penyampaian maklumat daripada penyampai kepada penerima. Jika dirujuk kepada *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005, 812) perkataan komunikasi bermaksud sedia atau dapat berhubung (mengadakan komunikasi) dan dapat atau mudah menyampaikan sesuatu maksud

(maklumat dan sebagainya). Berdasarkan perbincangan ini, parameter TS dan TK dirumuskan dalam Jadual 1 sebagai landasan untuk meneliti kategori terjemahan yang digunakan dalam teks sasaran.

Jadual 1. Parameter terjemahan semantik dan komunikatif

Parameter	Terjemahan semantik	Terjemahan komunikatif
1 Sasaran	Tumpuan kepada proses berfikir, membantu pembaca teks sasaran memahami sesuatu konotasi jika ia merupakan bahagian penting sesuatu mesej.	Subjektif, fokus kepada pembaca teks sasaran. Berorientasikan bahasa dan budaya tertentu.
2 Hubungan dengan teks sumber	Sentiasa tunduk kepada teks sumber, hilang makna.	Kemungkinan lebih baik daripada teks sumber, perolehan tenaga dan kejelasan walaupun jika hilang kandungan semantik.
3 Penggunaan bentuk dalam teks sumber	Jika norma dalam bahasa teks sumber melencong, maka ia hendaklah ditiru dalam teks sasaran, ia bersifat taat kepada teks sumber.	Menghormati bentuk teks sumber tetapi menolak ketaatan kepada norma teks sumber.
4 Bentuk bahasa sasaran	Lebih rumit, ganjil, fokus, cenderung kepada terlebih terjemah.	Lebih licin, lancar, jelas, lebih berterus-terang, lebih konvensional, cenderung kepada kurang terjemah.

Sumber: Adaptasi daripada Newmark (1994)

Makna Konteks

Konteks bermaksud keperihalan keadaan yang melatari sesuatu ujaran, sama ada secara lisan atau bertulis. Dalam penterjemahan, konteks linguistik merangkumi konteks leksikal dan frasa serta ayat yang melatari setiap ujaran dalam sesuatu wacana. Konsep ini disebut sebagai konteks wacana atau konteks tekstual. Selain itu, terdapat juga konteks situasi, iaitu konteks sosial yang merangkumi pengujar dan penerima ujaran dan hubungan kedua-duanya serta tujuan ujaran itu diucapkan.

Ilmu pragmatik berkait langsung dengan konteks sosial yang melibatkan kajian tingkah laku linguistik dan konteks linguistik dengan cara ia disampaikan (Stalnaker 1972, 383). Kempson (1988, 139) menyebut pragmatik sebagai mempertimbangkan cara ayat-ayat digunakan untuk menyampaikan maklumat dalam konteks.

Fotion (1995, 709) mentakrifkan pragmatik sebagai kajian bahasa yang memfokuskan perhatiannya pada pengguna dan konteks penggunaan bahasa, dan

bukannya pada rujukan, kebenaran atau tatabahasa. Takrifan mengenai pragmatik ini juga telah dilontarkan oleh sarjana-sarjana bahasa antaranya Lycan (1995), Leech (1993), Levinson (1983), Mey (1993) dan Grundy (2000). Jika diperhatikan melalui keseluruhan takrifan yang telah disebutkan, pragmatik adalah kajian secara langsung terhadap konteks. Konteks tidak tergantung kepada makna leksikal tetapi lebih melihat kepada penggunaannya dalam situasi. Justeru, pengkaji membuat rumusan bahawa konteks ialah (1) situasi atau keadaan yang mengiringi ucapan atau wacana; (2) gabungan dan pertautan antara perkataan dengan perkataan lain dalam sesuatu ayat; dan (3) set kolokasi perkataan yang membawa makna tertentu yang mesti difahami maknanya secara kesatuan.

Leech (1993) juga telah menyatakan kepentingan konteks, iaitu ia berperanan dalam melenyapkan pelbagai ketaksamaan dan makna bertindan yang terdapat dalam teks. Ia juga berperanan memberi maklumat mengenai perkara-perkara atau perkataan-perkataan yang digugurkan. Selain itu, konteks juga boleh menunjukkan rujukan kepada pelbagai perkataan.

Makna konteks bagi leksikal *qāla* telah dikesani wujud dalam terjemahan Arab-Melayu, khususnya pada terjemahan kata “berdoa”, “bersabda” dan “berfirman” untuk merujuk kepada hubungan status. Makna kata “berdoa” adalah sebahagian perlakuan menuturkan atau membaca ayat-ayat yang mengundungi unsur-unsur meminta, memohon daripada Allah SWT oleh manusia, iaitu permintaan hamba kepada tuannya (Allah) (Marzuki 2011). Kata “bersabda” dikhususkan kepada pengujaran baginda Rasulullah SAW manakala kata “berfirman” dikhususkan kepada pertuturan Allah SWT (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2005). Oleh itu, pengkaji yakin bahawa makna konteks leksikal *qāla* boleh diperluaskan dalam proses terjemahan Arab-Melayu, khususnya dalam teks keagamaan.

Metodologi Kajian

Kajian ini berorientasikan kajian linguistik gunaan yang memfokus pada teks terjemahan. Ia mencakupi aspek-aspek linguistik dan intra-linguistik yang melibatkan dua bahasa, iaitu bahasa Arab sebagai bahasa sumber (Bsu) dan bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran (Bsa). Perbincangan dalam metodologi kajian meliputi data, instrumen dan analisis.

1. Data: Data kajian ini terdiri daripada korpus bahasa. Korpus dalam konteks kajian ini ialah teks al-Quran dalam bahasa Arab dan teks terjemahannya pula adalah dalam bahasa Melayu. Teks terjemahan yang dipilih sebagai data utama ialah *Tafsīr fī Zilālil Qurān* oleh Sayyid Qutb (2000) yang diterjemahkan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob. Dalam kajian ini, analisis

data teks terjemahan yang melibatkan satu set bahasa sumber, iaitu bahasa Arab dan satu set terjemahan bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu. Pemilihan surah al-Kahf sebagai subjek kajian pula disebabkan oleh tiga faktor berikut:

- (i) Surah ini mengandungi kepelbagaian naratif seperti kisah penghuni gua Ashāb al-Kahf, kisah Nabi Musa AS dan Nabi Khidir AS, kisah pemilik kebun dan Zulkarnain. Kesemua kisah ini disampaikan dalam bentuk naratif dialog.
 - (ii) Surah ini mempunyai kelebihan tertentu yang menjadikannya sering dibaca dalam kalangan masyarakat seperti yang tersebut dalam sebuah hadis daripada Abi Sa‘id yang melaporkan bahawa Nabi Muhammad SAW pernah bersabda: “Sesiapa yang membaca surah al-Kahf pada hari Jumaat nescaya akan diberi al-Nur antara dua Jumaat” (al-Syawkāni 1964, 268).
 - (iii) Surah ini mengandungi sebanyak 56 leksikal *qāla* dan derivasinya, iaitu satu jumlah yang mencukupi untuk dilaksanakan kajian ke atasnya.
2. Instrumen: Kajian linguistik gunaan yang berpaksikan kepada analisis teks menuntut pengkaji menjadi peneliti yang cermat dan fokus. Kajian jenis ini memerlukan persediaan yang bersifat pembacaan meluas, mendalam dan kritis (Muhammad Fauzi 2003). Kaedah ini juga boleh disebut sebagai kaedah penelitian tertumpu (Muhammad Arshad 2009, 40). Untuk itu, pengkaji mempelbagaikan bahan rujukan yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Oleh itu, sebagai instrumen kajian, pengkaji sendiri yang memilih, menelaah, mengklasifikasi dan menganalisis data.
 3. Analisis: Bagi tujuan analisis data yang teratur dan sistematik, pengkaji melanjutkan perbincangan berkaitan menerusi subtopik berikut yang merangkumi kaedah analisis yang diyakini tepat dan sesuai untuk kajian ini. Analisis yang dimaksudkan adalah analisis kekerapan dan analisis kontrasif deskriptif.

Analisis kekerapan

Analisis kekerapan secara tepatnya digunakan dalam kajian kuantitatif. Meskipun begitu, kajian ini tidak dikategorikan sebagai kajian kuantitatif kerana angka hanya digunakan untuk menganalisis data kajian yang khusus untuk mencapai objektif yang pertama, iaitu mengenal pasti pola penterjemahan leksikal *qāla* dan derivasinya dalam al-Quran. Justeru, kajian ini bersifat kualitatif kerana

pemberatnya lebih terarah kepada kajian kualitatif. Bagi mencapai objektif kajian yang pertama ini, analisis kekerapan dilaksanakan setelah pengkaji menggariskan beberapa tatacara yang mesti dipatuhi seperti berikut:

1. Analisis kekerapan dalam bahagian ini menggunakan bentuk peratusan, iaitu proses penjumlahan data yang dilakukan dengan mengira bilangan dan dibundarkan dalam bentuk peratusan. Pengiraan ini dilakukan terhadap teks terjemahan, iaitu teks bahasa sasaran (TBSa) kerana fokus kajian ini adalah untuk melihat terjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu. Pengiraan ini dilakukan secara manual kerana bilangan data atau tahap pengiraan yang terlibat tidaklah menjangkau ratusan atau ribuan.
2. Pengkaji perlu mewujudkan jadual dan rajah (carta pai) untuk menyatakan kekerapan yang dicari mengikut surah yang dikaji. Hal ini bagi melihat bilangan secara lebih sistematik dan terarah di dalam surah ini. Jadual tersebut dimuatkan dengan semua ayat yang mengandungi leksikal *qāla* dan derivasinya yang berbentuk kata kerja sahaja. Kata terbitan tidak terlibat sebagai sampel kajian. Hal ini berdasarkan kepada jangkauan maknanya sudah tentu berbeza daripada kata kerja *qāla* dan derivasinya yang ingin ditinjau terjemahannya.
3. Setelah mendapat gambaran kekerapan, pengkaji menjalankan penelitian dan pengamatan seterusnya membuat huraian terhadap dapatan yang diperolehi. Kemudian, rumusan dan kesimpulan berdasarkan dapatan dilaksanakan.
4. Setelah mendapat hasil kekerapan, bagi memudahkan penelitian dibuat, pengkaji menyetengahkan hasil tersebut dalam bentuk jadual untuk melihat pemberatan bentuk pola leksikal yang diterjemahkan.
5. Tumpuan proses rumusan ini diberikan kepada semua dapatan dalam analisis kekerapan. Antara aspek yang disentuh untuk tujuan rumusan ialah bilangan kekerapan, peratusan, perbandingan dan kesimpulan.

Analisis kontrastif deskriptif

Bagi mencapai objektif kedua kajian ini, analisis kontrastif deskriptif dijalankan berpandukan kerangka TS–TK dan makna konteks dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran. Menurut Maheram (2008, 76):

Walaupun analisis kontrastif lebih popular dalam bidang pengajaran bahasa asing dan kajian antarabangsa, tetapi penulis berpendapat bahawa kaedah ini juga boleh digunakan dalam bidang terjemahan,

selagi terjemahan melibatkan dua bahasa yang berbeza, dan selagi padanan terjemahan dianggap sebagai satu perkara yang penting dalam penterjemahan. Perbezaan yang ada dalam kedua-dua bahasa yang dibandingkan akan membuka jalan kepada para penterjemah untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah-masalah terjemahan.

Pernyataan ini memberi maklum bahawa analisis kontrastif atau analisis bezaan ini pada asalnya digunakan dengan meluas dalam menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran, namun analisis kontrastif dan terjemahan mempunyai hubungan dua hala, masing-masing berpengaruh ke atas satu dengan yang lain. Terjemahan teks boleh memberikan data kepada analisis kontrastif seperti yang dibincangkan dalam Gleason (1965) dan Krzeszowski (1990).

Analisis kontrastif juga boleh memberi penerangan kepada kesukaran yang dihadapi dalam terjemahan menurut Nida (1964), Beekman dan Callow (1974), Yebra (1982), Enkvist (1978) dan Backer (1992) (dalam Micheal dan Houghton 1998, 49). Hal ini disokong oleh takrifan analisis kontrastif yang terdapat dalam *Kamus Linguistik* yang mentakrifkannya sebagai satu kaedah sinkronik analisis linguistik yang menunjukkan perbezaan dan persamaan antara dua bahasa atau lebih, atau perbezaan antara dua dialek atau lebih yang bertujuan untuk mengenal pasti prinsip bagi menyelesaikan masalah yang wujud dalam pengajaran bahasa dan terjemahan (Ramli, Sanat dan Noor Ein 1997, 11). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa analisis kontrastif sesuai digunakan dalam bidang terjemahan kerana ia melibatkan dua bahasa yang berbeza serta melahirkan padanan makna. Perbezaan yang wujud dalam kedua-dua bahasa yang dibandingkan akan membantu penterjemah mencari jalan penyelesaian kepada masalah penterjemahan (Maheram 2008, 76).

Kaedah kontrastif dalam bidang terjemahan juga amat penting untuk mencari padanan yang paling sesuai. Analisis kontrastif dilaksanakan dengan melibatkan terjemahan dua struktur bahasa, iaitu bahasa sumber ke bahasa sasaran daripada aspek leksikal *qāla* atau derivasinya yang terdapat dalam korpus kajian. Seterusnya, pengkaji membuat huraian yang tepat dan jelas mengenai terjemahan yang dibandingkan. Sampel yang dimaksudkan ialah terjemahan leksikal *qāla* dan derivasinya seperti yang telah dinyatakan. Begitu juga halnya dalam proses perbandingan antara dua bahasa; pengkaji perlu mengenal pasti isi kandungan yang hendak digandingkan. Data kajian ini disemak berdasarkan rujukan utama seperti *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (2006), *Kamus Arab Melayu Al-Marbawi* (1350H), *Al-Miftah Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris* (2010) dan *Kamus Arab-Melayu Oxford* (2005).

Analisis komponen makna

Analisis komponen makna juga dijalankan ke atas leksikal padanan yang dicadangkan sekiranya terjemahan asal leksikal *qāla* tidak sesuai dengan konteks ataupun pengkaji bersetuju dengan terjemahan yang diberikan. Bagi analisis komponen makna, terdapat ciri khusus yang perlu dilaksanakan, iaitu komponen makna itu dikendalikan dalam bentuk “duaan” (*binary*) bertentangan dan komponen itu dibezakan dengan tanda tolak (-) dan campur (+) (Palmer 1989).

Menurut Newmark (1994), analisis komponen makna mempunyai kebaikan dalam proses terjemahan. Hal ini juga telah dibuktikan oleh Goh Sang Seong (2009; 2011) dalam kajian beliau ke atas terjemahan kata kerja bahasa Mandarin ke bahasa Melayu. Menurut beliau, ada perkataan yang memperlihatkan pelbagai makna apabila konteks penggunaannya berubah-ubah. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa analisis komponen makna bagi mendapatkan makna konteks adalah penting dan wajar diaplikasikan.

Dapatan Kajian

Analisis kekerapan terjemahan *qāla* dalam surah al-Kahf

Surah al-Kahf mempunyai 110 ayat kesemuanya; ia termasuk dalam surah Makkiyyah. Surah ini dinamakan al-Kahf sempena perkataan “al-Kahf” yang bermaksud “gua” dan Ashabul Kahfi yang bermaksud “penghuni-penghuni gua”. Kedua-dua nama ini digunakan berdasarkan naratif yang terdapat dalam surah ini, iaitu pada ayat ke-9 hingga ayat ke-26 yang menceritakan pemuda-pemuda yang tidur dalam gua bertahun-tahun lamanya. Bilangan leksikal *qāla* dan derivasinya yang terdapat dalam surah ini dan bentuk terjemahannya adalah seperti dalam Lampiran.

Keseluruhan leksikal *qāla* dan derivasinya yang terdapat dalam surah al-Kahf adalah sebanyak 56 tempat termasuk satu ayat yang mengandungi dua hingga empat kali leksikal ini ditemui. Penggunaan makna “berkata” bagi leksikal ini adalah sebanyak 27 tempat, iaitu 48.20 peratus; manakala perkataan “ujar” juga digunakan dalam menterjemah leksikal ini, iaitu sebanyak lapan tempat yang mewakili 14.30 peratus. Terjemahan dengan makna “jawab” adalah sebanyak enam tempat, iaitu 10.70 peratus; terjemahan dengan makna “menjawab” pula adalah sebanyak empat tempat, iaitu 7.10 peratus. Selain itu, penterjemah juga menterjemahkan leksikal ini dengan makna “berfirman”, “berdoa” dan “lalu berkata” yang didapati pada dua tempat bagi setiap satu makna, iaitu masing-masing 3.60 peratus. Terjemahan

dengan menggunakan padanan makna “dikatakan” terdapat pada satu tempat dalam surah ini, iaitu 1.80 peratus. Selain itu, terdapat terjemahan dengan makna-makna lain seperti “mengatakan” didapati pada satu tempat, iaitu 1.80 peratus; “lalu berfirman” didapati pada satu tempat atau 1.80 peratus; “seraya berkata” juga didapati pada satu tempat, iaitu 1.80 peratus; dan “katakan” didapati pada satu tempat yang juga mewakili 1.80 peratus. Dapat dirumuskan daripada dapatan analisis ini terdapat 12 bentuk terjemahan leksikal *qāla* dan derivasinya yang digunakan oleh penterjemah dalam surah al-Kahf. Rumusan dapatan analisis kekerapan leksikal *qāla* dan derivasinya dalam surah al-Kahf adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Pola dan peratusan leksikal *qāla* dan derivasinya dalam terjemahan surah al-Kahf

Bil.	Pola terjemahan	Kekerapan	%
1	Berkata	27	48.20
2	Ujar	8	14.30
3	Jawab	6	10.70
4	Menjawab	4	7.10
5	Berfirman	2	3.60
6	Berdoa	2	3.60
7	Lalu berkata	2	3.60
8	Dikatakan	1	1.80
9	Mengatakan	1	1.80
10	Lalu berfirman	1	1.80
11	Seraya berkata	1	1.80
12	Katakan	1	1.80
Jumlah		56	100

Analisis kontrasitif deskriptif sampel surah al-Kahf

Untuk tujuan analisis ini, pengkaji memilih sebanyak 10 sampel daripada surah al-Kahf. Ia mencakupi satu set perbualan yang lengkap antara Nabi Musa AS dengan Nabi Khidir AS. Sampel ini terdiri daripada ayat 66, 67, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75 dan 76. Analisis merangkumi empat kriteria, iaitu padanan terjemahan, konteks, teori terjemahan dan cadangan. Berikut adalah analisis surah ini:

Sampel 1:

قال له موسى هل أتبعك على أن تعلمن مما علمت رشداً

Glos: Dia berkata baginya Musa adakah aku menurutmu agar engkau ajarkan aku dari sesuatu yang telah diajarkan kepadamu pedoman.

Terjemahan teks sumber: Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikut engkau supaya engkau ajarkan kepada aku sebahagian ilmu pedoman (ghaib) yang telah diajarkan kepadamu?

Ulasan dan huraian:

1. Padanan terjemahan: Dalam ayat ke-66 surah al-Kahf sebagai sampel pertama seperti di atas, penterjemah menterjemahkan leksikal *qāla* dengan padanan kata “berkata”. Padanan ini tanpa ada penambahan imbuhan atau perubahan seperti yang terdapat dalam *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Terjemahan ini juga didapati sama dalam *Kamus Arab-Melayu Al-Marbawi* (1350H), *Miftah Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris* (2010) dan *Kamus Arab-Melayu Oxford* (2005).
2. Konteks: Jika diamati konteks dialog ini, didapati bahawa wujud situasi perbualan berbentuk pertanyaan antara Nabi Musa AS dengan temannya (hamba Allah yang salih, Nabi Khidir AS). Pertanyaan yang diajukan ini mengandungi maksud meminta izin. Berdasarkan situasi ini, Nabi Musa AS bertanya kepada temannya (Nabi Khidir AS), adakah beliau diizinkan belajar kepadanya sebahagian ilmu pedoman (ghaib) yang telah dimiliki sahabatnya itu.
3. Teori terjemahan: Pengkaji yakin terjemahan ini cenderung kepada TS berbanding TK kerana penterjemah lebih terikat kepada teks bahasa sumber (makna denotasi) semasa menterjemahkan leksikal *qāla* kepada “berkata” dalam ayat ini. Hal ini adalah kerana penterjemah didapati memilih parameter ketiga, iaitu taat kepada teks bahasa sumber. Ketaatan kepada teks bahasa sumber menyebabkan makna konteks yang dipengaruhi latar dialog itu tidak dipertimbangkan. Konteks yang dapat dikesan dalam dialog ini ialah Nabi Musa AS mengajukan soalan kepada Nabi Khidir AS untuk mendapat keizinan berguru padanya.
4. Cadangan: Terjemahan kata “berkata” sesuai diubah mengikut konteks dialog ini berlaku, iaitu terjemahan yang lebih sesuai dengan tujuan bertanya. Dalam Ismail et al. (2010, 979), “bertanya” boleh membawa

maksud “bersoal”, “bersiasat”, “temu ramah”, “temu duga”, “wawancara”, “temu bual”, “duga” dan “risik”. Bagi cadangan terjemahan pula, pengkaji mencadangkan terjemahan berikut:

Musa bertanya kepadanya: Bolehkah aku mengikut engkau supaya engkau ajarkan kepada aku sebahagian ilmu pedoman (ghaib) yang telah diajarkan kepadamu?

Bagi memantapkan lagi cadangan terjemahan ini, analisis komponen makna dilakukan untuk membandingkan makna leksikal “bertanya” dengan leksikal “berkata”:

Berkata:	+bersuara	–meminta	–respons
Bertanya:	+bersuara	+meminta	+respons

Berdasarkan analisis komponen makna, jelas bahawa leksikal “bertanya” mengandungi makna yang lebih komunikatif, iaitu meminta dan responsif untuk menyampaikan mesej kepada pembaca. Oleh itu, dialog ini lebih memberi kesan kepada pembaca setelah menuruti pertuturan Nabi Musa AS yang membawa maksud ingin tahu adakah dia diizinkan untuk belajar kepada Nabi Khidir AS.

Sampel 2:

قَالَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا

Glos: Dia berkata sesungguhnya engkau tidak akan mampu bersamaku sabar.

Terjemahan teks sumber: Dia menjawab: Engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku.

Ulasan dan huraian:

1. Padanan terjemahan: Frasa “Dia menjawab” merupakan padanan terjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah leksikal *qāla* (قال) dalam sampel kedua surah al-Kahf. Apabila diteliti dalam *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (2006), *Kamus Arab-Melayu Al-Marbawi* (1350H), *Kamus Arab-Melayu Oxford* (2005) dan *Al-Miftah Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris* (2010), makna “menjawab” sememangnya tidak ditemui; kesemuanya hanya menyebut makna leksikal *qāla* sebagai


“berkata-kata” dan “bercakap”. Justeru, penterjemah telah memadankan makna leksikal *qāla* dengan makna “menjawab”. “Menjawab” jika dirujuk dalam bahasa Arab adalah *يجيب، الجواب، أجاب*.

2. Konteks: Dialog dalam ayat ini menggambarkan ucapan balas temannya (hamba Allah yang salih, Nabi Khidir AS) terhadap permintaan Nabi Musa AS yang memohon untuk belajar daripadanya sebahagian ilmu pedoman (ghaib) yang dimiliki. Pengkaji mendapati terjemahan leksikal *qāla* dengan “menjawab” ini adalah sesuai dalam membantu pembaca memahami situasi atau konteks ayat. Hal ini menunjukkan bahawa penterjemah menggunakan terjemahan sesuai dengan situasi ayat yang sebelumnya.
3. Teori terjemahan: Terjemahan ini cenderung kepada TK berbanding TS. Prinsip TK telah diaplikasikan dalam penterjemahan leksikal *qāla* dalam ayat ini kerana penterjemah lebih mementingkan pemahaman pembaca bahasa sasaran. Hal ini selaras dengan parameter keempat, iaitu terjemahan yang dihasilkan dalam teks bahasa sasaran lebih lancar dan lebih berterus terang.
4. Cadangan: Terjemahan ini harus dikekalkan seperti asal. Hal ini adalah kerana apabila analisis komponen makna dijalankan, padanan makna leksikal “menjawab” adalah tepat berbanding “berkata” seperti di bawah:

Berkata:	+bersuara	–meminta	–respons
Menjawab:	+bersuara	–meminta	+respons

Leksikal “menjawab” mengandungi makna responsif dalam dialog, khususnya untuk menjawab pertanyaan sesuai dengan konteks yang berlaku dalam dialog yang dibincangkan di atas.

Sampel 3:



Glos: Dia berkata akan engkau dapati aku, insya-Allah sabar dan tidak aku melanggar buatmu sesuatu perintah.

Terjemahan teks sumber: Jawab Musa: Insya-Allah engkau akan dapatiku sanggup bersabar dan aku tidak akan melanggar sebarang perintahmu.

Ulasan dan huraian:

1. Padanan terjemahan: Seperti data sebelumnya, terjemahan leksikal *qāla* dalam ayat ini dipadankan dengan makna “jawab”; perbezaannya hanya kata kerja ini tidak berimbuhan. Jelas bahawa terjemahan ini merupakan padanan yang berbeza daripada terjemahan denotasi seperti yang terdapat dalam *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (2006), *Kamus Arab-Melayu Al-Marbawi* (1350H), *Kamus Arab-Melayu Oxford* (2005) dan *Al-Miftah Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris* (2010).
2. Konteks: Penterjemah meraikan konteks ayat dan pertautan dengan ujaran yang sebelumnya dalam terjemahan ayat ini. Dalam ayat ini, Nabi Musa AS mula mengajukan pertanyaan, kemudian temannya menjawab, seterusnya Nabi Musa AS pula menjawab kepada respons temannya dan ayat ini diterjemahkan sebagai “Jawab Musa”. Walau bagaimanapun, jika diteliti pada konteks ayat ini dan sebelumnya, pengkaji berpendapat bahawa terjemahan ini wajar dimurnikan lagi.
3. Teori terjemahan: Terjemahan ini lebih bersifat kepada TK berbanding TS kerana aspek bahasa sasaran dan pembaca lebih diutamakan dalam terjemahan leksikal yang terdapat dalam ayat ini. Namun, pemilihan kata “jawab” masih dilihat janggal dalam dialog ini. Hal ini adalah kerana perkataan “jawab” tidak dapat memberi kesan psikologi sepenuhnya kepada pembaca bahasa sasaran sebagaimana yang disarankan dalam parameter pertama. Oleh itu, pertimbangan konteks harus diutamakan dengan melihat kepada jawapan balas dalam dialog ini disusuli ikrar janji (insya-Allah) untuk menjamin pelaksanaannya dengan ada izin daripada Allah SWT (al-Tujībī 1984, 296).
4. Cadangan: Pengkaji mendapati tidak terdapat kesinambungan dialog yang jitu antara dua individu ini, maka terjemahan ini patut diubah kepada terjemahan yang lebih sesuai agar pembaca dapat menghayati dengan lebih jelas jalan ceritanya. Pengkaji mencadangkan terjemahan seperti berikut:

Musa menegaskan: Insya-Allah engkau akan dapatiku sanggup bersabar dan aku tidak akan melanggar sebarang perintahmu.

Bagi menyokong terjemahan yang diusulkan, analisis komponen makna dilakukan ke atas leksikal “menegaskan” dengan leksikal “berkata” seperti di bawah:

Berkata:	+bersuara	–meminta	–respons	±pasti
Menegaskan:	+bersuara	–meminta	+respons	+pasti

Dalam analisis di atas, jelas bahawa leksikal “menegaskan” mengandungi makna “pasti”, iaitu sesuatu yang disuarakan itu merujuk kepada keyakinan pengujar terhadap sesuatu yang diucapkan. Hal ini selaras dengan konteks ujaran dialog ini kerana Nabi Musa AS menyatakan kepastiannya untuk mematuhi syarat dan perjanjian dengan Nabi Khidir AS.

Sampel 4:

قَالَ فَإِنْ أَتَبَعْتَنِي فَلَا تَسْأَلْنِي عَنْ شَيْءٍ حَتَّىٰ أُحَدِّثَ لَكَ مِنْهُ ذِكْرًا ﴿٧٠﴾

Glos: Dia berkata maka jika engkau mengikutiku maka jangan bertanyakan aku akan sesuatu sehingga aku bicarakan kepadamu darinya penjelasan.

Terjemahan teks sumber: Dia menjawab: (Baiklah) jika engkau mahu mengikut aku janganlah engkau bertanya kepadaku sesuatu apa pun sehingga aku sendiri menjelaskannya kepadamu.

Ulasan dan huraian:

1. Padanan terjemahan: Leksikal *qāla* bagi sampel ini diterjemahkan sebagai “Dia menjawab”, iaitu penterjemah telah menyebut kata ganti diri “dia” yang tidak disebut secara langsung dalam teks asal. “Dia” dalam bahasa Melayu merupakan kata ganti nama kedua untuk kata tunggal sepadan dengan هو dalam bahasa Arab. Manakala “menjawab” merupakan kata kerja transitif yang didahului dengan imbuhan *men-* yang membawa maksud “balas”, “sahut”, “sampuk”, “sambut”, “bangkang”, “bantah”, “bidas”, “sanggah”, “sangkal”, “tampik” dan “tentang” (Ainon dan Abdullah 2011, 91).
2. Konteks: Penterjemah meraikan konteks dialog ini agar pembaca dapat menghayati jalan cerita dengan lancar. Terjemahan ini dianggap sesuai. Walau bagaimanapun, terjemahan ini boleh diperelokkan lagi bagi menambah unsur koheren dengan ayat sebelumnya.
3. Teori terjemahan: Terjemahan ini berdasarkan prinsip TK. Hal ini adalah kerana wujudnya kebebasan dalam menterjemah leksikal *qāla* dalam sampel ini. Kebebasan yang dimaksudkan ialah penterjemah

boleh menambah unsur kata lain berserta dengan makna denotasi bahasa sumber. Penambahan unsur kata lain dalam terjemahan ini menepati parameter ketiga, iaitu penterjemah masih lagi menghormati bentuk teks sumber, iaitu menggunakan terjemahan “menjawab” bagi soalan dialog sebelumnya. Namun begitu, penterjemah memilih norma teks bahasa sasaran untuk memastikan hasil terjemahan lebih lancar dan menepati psikologi pembaca bahasa sasaran.

4. Cadangan: Cadangan terjemahan adalah seperti berikut:

Dia menjawab [lagi]: (Baiklah) jika engkau mahu mengikut aku janganlah engkau bertanya kepadaku sesuatu apapun sehingga aku sendiri menjelaskannya kepadamu.

Bagi mengukuhkan pendapat ini, pengkaji menjalankan analisis komponen makna untuk mendapatkan gambaran yang lebih terperinci dan mendalam. Analisis yang dijalankan adalah seperti berikut:

Berkata:	+bersuara	–meminta	–respons	±pasti
Menjawab:	+bersuara	–meminta	+respons	+pasti

Berdasarkan analisis di atas, padanan leksikal “berkata” dengan “menjawab” mempunyai perbezaan daripada aspek komponen makna, iaitu ia mengandungi makna “respons” dan “pasti”. Oleh sebab konteks yang terpapar dalam dialog di atas berlaku dalam suasana “tanya” dan “jawab”, maka terjemahan “menjawab” adalah lebih komunikatif.

Sampel 5:

فَانْطَلَقَ حَقًّا إِذَا رَكِبَ فِي السَّفِينَةِ خَرَقَهَا قَالَ أَخْرَقَهَا نَارُ غَرْقِ أَهْلِهَا لَقَدْ جِئْتُمْ شَيْئًا إِمْرًا ﴿٧١﴾

Glos: Lalu bertolak keduanya sehingga apabila menaiki keduanya dalam sebuah bahtera dia melubanginya, dia berkata apakah engkau melubanginya supaya tenggelam para penumpangnya, sesungguhnya engkau telah mendatangkan sesuatu kesalahan besar.

Terjemahan teks sumber: Lalu kedua-dua pun berjalan sehingga apabila kedua-duanya menaiki bahtera. Tiba-tiba ia melubangkannya, alu Musa berkata: Apakah engkau melubangkannya untuk menenggelamkan para penumpangnya? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu kesalahan yang besar.

Ulasan dan huraian:

1. Padanan terjemahan: Terjemahan “lalu Musa berkata” adalah padanan kepada leksikal *qāla* dalam ayat di atas. Dalam bahasa Melayu, perkataan “lalu” bermaksud “kemudian”, “selanjutnya” dan “seterusnya” (Ainon dan Abdullah 2011, 129). Daripada makna ini, padanan lain boleh diterjemahkan sebagai “kemudian Musa berkata”, “selanjutnya Musa berkata” atau “seterusnya Musa berkata”. Terjemahan “berkata” adalah selari dengan terjemahan oleh *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (2006), *Kamus Arab-Melayu Al-Marbawi* (1350H), *Kamus Arab-Melayu Oxford* (2005) dan *Al-Miftah Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris* (2010).
2. Konteks: Jika dilihat kepada konteks dialog bagi sampel ini, terjemahan “berkata” yang digunakan adalah kurang sesuai kerana terdapat unsur pertanyaan yang berlaku. Justeru, satu terjemahan yang lebih sesuai perlu digunakan. Hal ini bagi membantu menambahkan tahap kefahaman dan semangat pembaca dalam mendalami karya terjemahan ini. Penambahan wacana “lalu” di hadapan perkataan “berkata” oleh penterjemah boleh dianggap sebagai mewujudkan kesinambungan ayat dengan ayat sebelumnya.
3. Teori terjemahan: Terjemahan ini lebih menjurus ke arah TS berbanding TK kerana aspek bahasa sumber didapati lebih diutamakan dalam terjemahan leksikal yang terdapat dalam ayat ini. Hal ini selaras dengan parameter kedua, iaitu penterjemah terikat dengan teks bahasa sumber. Walhal konteks sebenar ujaran itu disampaikan dalam dialog berpunca daripada perbuatan yang tidak disenangi. Meskipun begitu, pengkaji mendapati penterjemah juga menghampiri TK apabila menambahkan unsur kata lain, iaitu “lalu” untuk menambahkan kohesi ayat dalam teks bahasa sasaran. Menurut Nik Safiah et al. (1996, 239) perkataan “lalu” adalah kata hubung gabungan yang menghubungkan dua klausa atau lebih.
4. Cadangan: Pengkaji mencadangkan terjemahan berikut dalam menambahkan lagi keserasian konteks ayat:


Lalu kedua-dua pun berjalan sehingga apabila kedua-duanya menaiki bahtera tiba-tiba ia melubangkannya, lalu Musa menegur: Apakah engkau melubangkannya untuk menenggelamkan para penumpangnya? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu kesalahan yang besar.

Fokus leksikal padanan terjemahan dalam ayat di atas ialah “menegur”. Pengkaji selanjutnya mengukuhkan saranan ini dengan melakukan analisis komponen makna untuk memperlihatkan kesesuaian cadangan seperti berikut:

Berkata:	+bersuara	–meminta	–respons	–sapaan
Menegur:	+bersuara	+meminta	+respons	+sapaan

Analisis di atas jelas menunjukkan bahawa komponen makna yang dikandungi oleh kata kerja “menegur” membawa maksud “meminta”, iaitu penguji meminta penjelasan perbuatan yang dilakukan oleh yang ditegur. Keduanya, ucapan itu dikeluarkan kerana respons kepada perbuatan oleh orang yang ditegur. Akhir sekali, komponen makna yang dilihat menepati konteks dialog ini ialah “sapaan” di atas perbuatan yang dilihat tidak sesuai dengan norma manusia biasa. Oleh itu, saranan ini adalah tepat dengan memilih leksikal “menegur” berbanding “berkata” seperti yang dilakukan oleh penterjemah.

Sampel 6:



Glos: Dia berkata bukankah aku katakan sesungguhnya engkau tidak akan mampu bersamaku sabar.

Terjemahan teks sumber: Dia menjawab: Bukankah tadi aku telah berkata bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?

Ulasan dan huraian:

1. Padanan terjemahan: Terjemahan pertama dalam dialog di atas sama dengan sampel keempat, iaitu “menjawab”. Terjemahan ini yang bukan makna denotasi seperti yang terdapat dalam *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (2006), *Kamus Arab-Melayu Al-Marbawi* (1350H), *Kamus Arab-Melayu Oxford* (2005) dan *Kamus Arab-Melayu-Inggeris: Miftāh al-Ṭullāb* (2010). Dalam terjemahan kedua, leksikal ini diterjemahkan dengan makna “berkata” sesuai dengan makna denotasi yang terdapat dalam *Kamus Besar-Arab Melayu Dewan* (2006), *Kamus Arab-Melayu Al-Marbawi* (1350H), *Kamus Arab-Melayu Oxford* (2005) dan *Al-Miftah Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris* (2010). Ia merupakan terjemahan literal.

2. Konteks: Dialog ini membabitkan pertanyaan Nabi Musa AS kepada temannya (Nabi Khidir AS) tentang perihal perbuatan sahabatnya melubangkan struktur bahtera dan boleh menyebabkannya karam. Pertanyaan ini dijawab dengan unsur ketegasan yang mengingatkan kembali Nabi Musa AS akan janjinya supaya tidak banyak bertanya. Oleh itu, terjemahan ini dianggap kurang sesuai dan boleh dipereleokkan lagi bagi meraikan konteks dialog ini. Manakala terjemahan kedua dengan makna “berkata” pula lebih terikat kepada teks bahasa sumber dan tiada unsur kebebasan dalam menterjemahkan leksikal ini.
3. Teori terjemahan: Terjemahan “menjawab” lebih menjurus kepada TK berbanding TS kerana penterjemah cuba lari daripada terjemahan yang terikat dengan makna denotasi, iaitu “berkata”. Penterjemah dianggap telah cuba melancarkan terjemahannya. Namun begitu, pengkaji berpendapat, walaupun terjemahan ini sudah dikategorikan sebagai TK, namun unsur konteks ayat dalam dialog masih kurang. Oleh itu, kesan konteks yang memperlihatkan si penutur (Nabi Khidir AS) mahu menegaskan dan memberi peringatan kepada si pendengar (Nabi Musa AS) kerana tindakannya perlu diberi perhatian bertepatan dengan parameter keempat yang memfokuskan teks bahasa sasaran menjadi lebih licin, lancar, jelas dan lebih berterus terang.

Terjemahan kedua leksikal *qāla* dalam sampel ini, iaitu “berkata” lebih bersifat TS. Namun pada hemat pengkaji, imbuhan “berkata” adalah kurang tepat dan janggal. Daripada aspek makna, “berkata” ialah mengeluarkan apa yang terfikir dengan kata-kata, mengeluarkan kata, bertutur (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2005, 585).

4. Cadangan: Cadangan terjemahan bagi menambahkan lagi unsur komunikatif adalah seperti berikut:

Dia menegaskan: Bukankah tadi aku telah mengatakan bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?

Dalam contoh di atas, pengkaji mendapati penterjemah telah mengemukakan terjemahan yang baik bagi leksikal “berkata”, namun masih dirasakan kurang kesannya kepada pembaca sasaran. Saranan pertama dalam terjemahan di atas, iaitu “menegaskan” perlu dilakukan analisis komponen makna untuk menyokongnya seperti berikut:

Berkata:	+bersuara	-meminta	-respons	±pasti
Menegaskan:	+bersuara	-meminta	+respons	+pasti

Pemilihan leksikal “menegaskan” lebih mempunyai kesan komunikatif dalam konteks dialog di atas kerana pengujar mengingatkan orang yang ditegur supaya kembali melihat amarannya. Hal ini disokong dengan ucapan pengujar: “Bukankah sudah aku mengatakan bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?”

Bagi saranan terjemahan kedua, “mengatakan” adalah variasi “berkata” yang menggunakan imbuhan berbeza. Menurut Nik Safiah et al. (1996), perbezaan imbuhan *ber-* dan apitan *meng-* dan *-kan* ialah kata kerja berimbuhan *ber-* menjadi kata kerja yang bersifat tak transitif (tidak memerlukan objek), manakala apitan *meng-* dan *-kan* membentuk kata kerja menjadi kata kerja transitif (memerlukan objek). Oleh itu, padanan “mengatakan” adalah lebih tepat kerana ia merujuk kepada amaran (sebagai objek) yang telah dipersetujui sebelum kedua-dua mereka memulakan pengembaraan bersama.

Sampel 7:

قَالَ لَا تَأْخِذْنِي بِمَا نَسِيتُ وَلَا تَرَهِّقْنِي مِنْ أَمْرِي عَسْرًا ﴿٧٣﴾

Glos: Dia berkata jangan engkau mengambil aku kerana apa aku lupakan dan jangan bebankan aku dari urusanku kesulitan.

Terjemahan teks sumber: Ujar Musa: Janganlah engkau mengambil salah atas kelupaanku itu dan janganlah engkau bebankanku dengan sesuatu yang menyulitkan urusanku.

Ulasan dan huraian:

1. Padanan terjemahan: Terjemahan leksikal *qāla* dalam dialog di atas dipadankan dengan makna “ujar”. Kata “ujar” dalam bahasa Melayu ialah “apa-apa yang diucapkan, kata” (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2005, 1751). Menurut *Tesaurus Bahasa Melayu Edisi Kedua* (Ainon dan Abdullah 2011, 294), antara maksud perkataan “ujar” adalah “cakap”, “dialog”, “kata”, “lafaz”, “sebut”, “tutur” dan “ucap”. Justeru, padanan makna “ujar” yang dipilih oleh penterjemah adalah tergolong dalam makna “kata” juga. Walau bagaimanapun, terjemahan ini berbeza makna denotasi seperti yang terdapat dalam *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*

(2006, 1954) yang menyebut *qāla* adalah “berkata-kata” atau “bercakap” sahaja, sama seperti terjemahan dalam *Kamus Arab-Melayu Al-Marbawi* (1350H), *Kamus Arab-Melayu Oxford* (2005) dan *Al-Miftah Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris* (2010).

2. Konteks: Berdasarkan rumus bahasa Arab, kata ganti nama “dia” (terkandung dalam kata قال) dalam dialog ini merujuk kepada Nabi Musa AS, maka padanan yang diberikan oleh penterjemah “ujar Musa” adalah tepat. Terjemahan nama ini boleh diterima dan boleh membantu pembaca memahami konteks dialog.
3. Teori terjemahan: Terjemahan leksikal di sini adalah lebih menjurus kepada TS. Hal ini adalah kerana didapati keterikatan kepada makna teks bahasa sumber semasa penterjemahan leksikal *qāla* dalam sampel ini. Parameter yang sepadan dengan terjemahan ini ialah parameter ketiga bagi TS, iaitu bentuk teks bahasa sumber perlu ditiru mengikut norma bahasa sumber apabila melakukan terjemahan. Menurut rumus tatabahasa Arab, kata kerja boleh menjadi kepala frasa yang dikategorikan sebagai frasa kerja (جملة فعلية) (al-Rājīhī 1971, 77) seperti قال محمد (Muhammad bertutur). Menurut tatabahasa Melayu pula, frasa kerja berada selepas subjek (Nik Safiah et al. 1996, 365) seperti, “Kami sedang tidur”.
4. Cadangan: Terjemahan ini boleh dikekalkan seperti yang dilakukan oleh penterjemah. Analisis komponen makna dijalankan untuk melihat sejauh mana leksikal “ujar” sesuai digunakan dalam terjemahan ini:

Berkata:	+bersuara	–meminta	–respons	±pasti
Ujar:	+bersuara	–meminta	–respons	±pasti

Sebagai penutur jati bahasa Melayu, pemilihan leksikal “ujar” tanpa imbuhan untuk dipadankan dengan leksikal *qāla* adalah tepat jika mengambil kira terjemahan semantik, iaitu padanan bukan sahaja pada aspek makna, malah mengikut tatabahasa bahasa sumber. Penggunaan leksikal “ujar” pada kepala ayat bahasa Melayu tidaklah janggal berbanding “berkata”.

Sampel 8:

فَانْطَلَقَا حَتَّىٰ إِذَا لَقِيَا غُلَامًا فَقَتَلَهُ، قَالَ أَقْنَلْتِ نَفْسًا زَكِيَّةً بِغَيْرِ نَفْسٍ لَقَدْ جِئْتَ شَيْئًا نُكْرًا ﴿٧٤﴾

Glos: Lalu bertolak keduanya sehingga apabila bertemu keduanya seorang budak lelaki lalu dia membunuhnya, dia berkata apakah engkau membunuh nyawa yang suci dengan tanpa jiwa sesungguhnya telah engkau datangkan sesuatu mungkar.

Terjemahan teks sumber: Lalu kedua-duanya berjalan lagi sehingga kedua-duanya bertemu dengan seorang budak tiba-tiba dia terus membunuhnya. Ujar Musa: Apakah patut engkau membunuh seorang yang tidak bersalah kerana membunuh orang lain? Sesungguhnya, engkau telah melakukan satu perbuatan yang mungkar.

Ulasan dan huraian:

1. Padanan terjemahan: Leksikal *qāla* dalam dialog ini juga dipadankan dengan perkataan “ujar”, iaitu “apa-apa yang diucapkan, kata” (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2005, 1751) dan “cakap, dialog, kata, lafaz, sebut, tutur, ucap” (*Tesaurus Bahasa Melayu Edisi Kedua* 2011, 294). Oleh itu, boleh diterima bahawa terjemahan ini adalah terjemahan sinonim dengan “berkata”.
2. Konteks: Berdasarkan konteks dialog, terjemahan ini adalah tidak sesuai dan kurang membantu pembaca dalam menghayati jalan cerita. Hal ini adalah kerana konteks dialog menunjukkan terdapat situasi pertanyaan dan selepas leksikal *qāla* juga terdapat partikel tanya pada perkataan *كَلِمَاتٍ*. Oleh itu, satu padanan yang lebih sesuai diperlukan dalam terjemahan ini.
3. Teori terjemahan: Terjemahan leksikal di sini adalah mirip kepada TS berbanding TK kerana terjemahan dengan makna “ujar” boleh dianggap masih bersifat terikat kepada makna teks bahasa sumber dan tiada unsur kebebasan dalam menterjemahkan leksikal *qāla* dalam ayat ini. Penterjemah didapati masih terikat dengan parameter kedua, iaitu terlalu tunduk dengan bahasa sumber sehingga makna konteks tidak dirasai lagi. Walhal dalam dialog di atas, konteks perbualan yang diajukan menunjukkan tanda protes atas tindak-tanduk yang dilakukan oleh Nabi Khidir AS. Daripada aspek tatabahasa bahasa sumber juga, frasa kerja digunakan mengikut tatabahasa bahasa sumber, iaitu kata kerja berada pada awal ayat seperti yang dijelaskan dalam sampel ketujuh.

4. Cadangan: Cadangan terjemahan yang dianggap sesuai dan selari dengan jalan cerita ayat tersebut adalah seperti berikut:


Lalu kedua-duanya berjalan lagi sehingga kedua-duanya bertemu dengan seorang budak tiba-tiba dia terus membunuhnya. Musa bertanya: Apakah patut engkau membunuh seorang yang tidak bersalah kerana membunuh orang lain? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang mungkar.

Cadangan ayat ini boleh disokong dengan mengemukakan analisis komponen makna untuk melihat kesesuaian terjemahan di atas seperti berikut:

Ujar:	+bersuara	–meminta	–respons
Bertanya:	+bersuara	+meminta	+respons

Analisis di atas jelas menunjukkan bahawa leksikal “bertanya” adalah lebih tepat untuk menggambarkan dialog tersebut berdasarkan latar kejadian. Penggunaan leksikal “ujar” tidak memberi kekuatan ekspresif untuk menggambarkan konflik emosi yang melanda diri Nabi Musa AS yang menjadi tidak sabar dengan perbuatan Nabi Khidir AS membunuh kanak-kanak yang mereka temui.

Sampel 9:



Glos: Dia berkata bukannya aku katakan buatmu sesungguhnya engkau tidak mampu bersamaku sabar.

Terjemahan teks sumber: Dia berkata bukannya tadi aku telah katakan kepadamu bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?

Ulasan dan huraian:

1. Padanan terjemahan: Dalam dialog ini, padanan makna “berkata” telah digunakan oleh penterjemah. Padanan makna yang dipilih oleh penterjemah tergolong dalam makna literal atau makna denotasi. Daripada aspek rumus bahasa Arab pula, *qāla* ialah kata kerja kala lampau yang pelakunya adalah orang ketiga, iaitu sahabat Nabi Musa AS (temannya yang salih, Nabi Khidir AS).

2. Konteks: Berdasarkan konteks dialog ini, terjemahan ini kurang sesuai dan kurang merangsang pembaca dalam memahami konteks ayat. Hal ini adalah kerana terdapat unsur ketegasan yang dinyatakan oleh sahabat Nabi Musa AS (Nabi Khidir AS) dalam situasi dialog ini.
3. Teori terjemahan: Terjemahan leksikal di sini adalah dekat dengan TS berbanding TK kerana boleh dianggap masih bersifat terikat kepada teks bahasa sumber dan tiada unsur kebebasan dalam menterjemahkan leksikal *qāla* dalam ayat ini. Makna “berkata” tidak dapat memberi semangat kepada gambaran konteks dialog yang sewajarnya mampu disampaikan dalam bahasa sasaran. Parameter yang dikesan dalam terjemahan ini ialah parameter kedua, iaitu penterjemah mengekalkan hubungan dengan teks bahasa sumber sehingga makna konteks yang boleh disampaikan tidak kelihatan dalam teks bahasa sasaran.
4. Cadangan: Terjemahan yang sesuai adalah dengan menggunakan kata “menegaskan” sebagai ganti “berkata” seperti berikut:

Dia menegaskan: Bukankah tadi aku telah katakan kepadamu bahawa engkau tidak akan mampu bersabar bersamaku?

Analisis komponen makna dijalankan untuk menyokong pandangan pengkaji. Dalam sampel keenam, leksikal yang sama dicadangkan untuk padanan leksikal *qāla* kerana konteks yang melatari dialog semasa itu. Analisis komponen makna bagi ayat di atas adalah seperti berikut:

Berkata:	+bersuara	–meminta	–respons	±pasti
Menegaskan:	+bersuara	–meminta	+respons	+pasti

Padanan leksikal “menegaskan” adalah lebih tepat kerana pengujar, iaitu Nabi Khidir AS mahu mengingatkan Nabi Musa AS akan janjinya untuk tidak mempersoalkan sebarang tindakan yang dilakukan. Tindakan ini juga didorong oleh faktor desakan yang dilakukan oleh Nabi Musa AS terhadap Nabi Khidir AS. Oleh itu, padanan leksikal “menegaskan” lebih tepat untuk menggambarkan pendirian yang tegas dan kepastian bahawa ada perjanjian antara mereka berdua sebelum ini.

Sampel 10:

قَالَ إِنَّكَ عَنْ شَيْءٍ بَعْدَهَا فَلَا تُصَحِّبْنِي ۖ قَدْ بَلَغْتَ مِنْ لَدُنِّي عُذْرًا ﴿٧٦﴾

Glos: Dia berkata jika aku bertanyakan engkau akan sesuatu selepasnya maka jangan engkau mendampingi aku sesungguhnya telah engkau sampai dari diriku alasan.

Terjemahan teks sumber: Ujar Musa: Jika aku bertanya sesuatu kepadamu selepas ini, maka janganlah engkau bersama-sama dengan aku lagi. Sesungguhnya engkau telah mendapat alasan yang cukup dariku.

Ulasan dan huraian:

1. Padanan terjemahan: Terjemahan leksikal *qāla* dalam ayat ini dipadankan dengan makna “ujar”. “Ujar” seperti yang disebut sebelum ini ialah “apa-apa yang diucapkan, kata, perkataan” (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2010, 1757). Menurut *Tesaurus Bahasa Melayu Edisi Kedua* (2011, 294) pula, antara makna ujar adalah “cakap”, “dialog”, “kata”, “lafaz”, “sebut”, “tutur” dan “ucap”. Justeru, padanan makna “ujar” yang dipilih oleh penterjemah juga tergolong dalam makna seerti “kata”. Walau bagaimanapun, terjemahan ini tidak melambangkan terjemahan katawi seperti yang terdapat dalam *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (2006, 1954) yang menyebut *qāla* sebagai “berkata-kata atau bercakap” dan kamus Arab-Melayu lain seperti *Kamus Arab-Melayu Al-Marbawi* (1350H), *Kamus Arab-Melayu Oxford* (2005) dan *Al-Miftah Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris* (2010).
2. Konteks: Konteks dialog ini menunjukkan Nabi Musa AS merayu kepada temannya agar tidak dimarahi lagi seperti yang telah berlaku dalam ayat sebelumnya, jika ia terus-menerus bertanya. Terjemahan ini perlu mengikut konteks ayat agar ia sesuai dan memupuk emosi pembaca untuk menghayati konteks ayat.
3. Teori terjemahan: Terjemahan leksikal *qāla* di sini menjurus kepada TS berbanding TK kerana terjemahan yang dilakukan masih terikat kepada teks bahasa sumber dan unsur kebebasan dalam menterjemahkan leksikal *qāla* dalam ayat ini masih tidak memadai. Hal ini adalah kerana penterjemah menggunakan padanan sinonim untuk leksikal *qāla*. Oleh itu, penterjemah masih lagi terikat dengan parameter kedua, walaupun cuba untuk mempelbagaikan variasi makna “berkata” dengan padanan “ujar”. Kepatuhan kepada makna leksikal bahasa sumber menyebabkan semangat konteks dalam teks bahasa sasaran tidak kesampaian.

4. Cadangan: Cadangan terjemahan yang sesuai dengan konteks dialog ini adalah “pujuk” atau “rayu” seperti berikut:

Pujuk/Rayu Musa: Jika aku bertanya sesuatu kepadamu selepas ini, maka janganlah engkau bersama-sama dengan aku lagi. Sesungguhnya engkau telah mendapat alasan yang cukup dariku.

Berdasarkan saranan terjemahan di atas, pengkaji perlu menguatkan lagi alasan mengapa leksikal “pujuk/rayu” wajar menggantikan leksikal “ujar”. Bagi mencapai maksud tersebut, analisis komponen makna dilakukan seperti berikut:

Ujar:	+bersuara	–meminta	–respons	±pasti
Pujuk/Rayu:	+bersuara	+meminta	+respons	±pasti

Daripada analisis komponen makna di atas dapat dirumuskan bahawa leksikal “pujuk/rayu” lebih tepat untuk menggambarkan latar konteks dialog di atas. Pengujar dalam dialog pada hakikatnya meminta izin kepada temannya untuk terus bersama, manakala ujaran yang diluahkan itu merupakan respons kepada peringatan temannya akan perjanjian antara mereka sebelum mengembara. Namun begitu, pujukan dan rayuan itu belum tentu lagi mendapat persetujuan atau ditunaikan. Justeru, pemilihan leksikal “pujuk/rayu” adalah persis dan memberi kesan komunikatif kepada pembaca.

Perbincangan

Dapatan daripada analisis di atas telah memberi satu penemuan penting dalam konteks terjemahan leksikal *qāla* dalam teks bahasa Arab. Keunikan leksikal ini dalam teks agama seperti al-Quran sudah tentu mempunyai hikmah dan rahsianya yang tersendiri. Namun begitu, bagi memenuhi tuntutan menyampaikan mesej daripada al-Quran, terjemahan yang menarik dan tepat amatlah penting. Dalam hal ini, Abd. Ghani (1999) menyatakan bahawa golongan ulama dan institusi agama wajar meningkatkan penguasaan bahasa Arab dan bahasa Melayu, ini termasuklah menguasai susuk atau laras bahasa Melayu yang betul agar pengucapan dan penulisan mereka lebih berkesan dan mudah difahami oleh masyarakat awam.

Seperti yang jelas daripada dapatan kajian ini, leksikal *qāla* perlu dimurnikan terjemahannya agar sesuai dengan laras dialog naratif. Berdasarkan analisis komponen makna seperti yang diutarakan oleh Nida (1975), pengkaji yakin telah dapat merungkai makna leksikal *qāla* dan padanan terjemahannya dengan tuntas.

Menurut Nida, salah satu ciri analisis komponen makna ialah komponen penjelas (*supplement component*). Komponen ini dihasilkan daripada peluasan daripada suatu kata atau hadirnya makna konotatif. Menurut Larson (2007), komponen makna ini meliputi empat kategori, iaitu benda, kejadian, sifat dan hubungan. Seperti yang diutarakan oleh Nida (1975), Larson juga mengemukakan ciri analisis komponen yang dinamakan sebagai hubungan umum-khusus (*generic-specific relation*).

Leksikal *qāla* merupakan kata kerja yang bersifat umum, iaitu ia boleh mempunyai banyak rujukan makna yang lain. Menurut Palmer (1989, 125) daripada segi prinsip, sebarang maklumat boleh digunakan untuk menyahtaksakan sesuatu ayat yang mengandungi beberapa rujukan makna. Hal ini adalah kerana pengguna bahasa akan menggambarkan beberapa hubungan makna daripada kepelbagaian pemerian makna yang ada dengan makna utama sesuatu kata. Kepelbagaian ini merupakan sesuatu yang normal dalam bahasa kerana untuk sesuatu kata mempunyai satu rujukan makna sahaja merupakan suatu situasi yang mustahil (Indirawati dan Fatmawati 2012). Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa komponen khusus makna *qāla* boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 merumuskan dapatan kajian berkaitan terjemahan leksikal *qāla* yang dilakukan oleh penterjemah dan padanan baharu yang disyorkan oleh pengkaji berdasarkan analisis yang telah dijalankan. Empat padanan baharu tersebut ialah “bertanya”, “menegaskan”, “menegur” dan “pujuk/rayu”. Hasil terjemahan asal masih ada yang sesuai dan patut dikekalkan dengan konteks penggunaan leksikal *qāla* dalam ayat atau teks.

Dapatan kajian ini juga telah menyokong pandangan Nida (2001) bahawa dalam banyak keadaan kamus menjadi begitu ringkas dan tidak mampu membantu pembaca. Pengkaji mendapati bahawa kamus dwibahasa Arab-Melayu boleh memasukkan makna konteks ini sesuai dengan perkembangan penggunaan leksikal *qāla* dalam bahasa Arab. Selain itu, penggunaan tesaurus juga digalakkan untuk penterjemah memilih leksikal padanan yang lebih sesuai dan bertepatan dengan makna konteks.

Jadual 3. Makna umum dan khusus leksikal *qāla* bagi terjemahan ke dalam bahasa Melayu

Makna umum	Makna khusus	
<i>Qāla</i> (berkata)	+bertanya	Cadangan terjemahan
	+menegaskan	
	+menegur	
	+pujuk/rayu	
	+ujar	Terjemahan teks asal
	+jawab	
	+menjawab	
	+berfirman	
	+berdoa	
	+lalu berkata	
	+dikatakan	
	+mengatakan	
	+lalu berfirman	
	+seraya berkata	
	+katakan	

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan daripada penemuan dan analisis kajian, dapat dirumuskan bahawa leksikal *qāla* dalam al-Quran wajar diberi perhatian yang khusus dalam kerja-kerja terjemahan. Terjemahan sebagai satu saluran komunikasi yang penting sudah tentu menuntut penterjemah mempunyai kemampuan yang cemerlang untuk menterjemahkan teks-teks penting, khususnya al-Quran. Meskipun leksikal *qāla* hanyalah satu perkataan, namun jika terjemahannya tidak dilakukan dengan cermat dan teliti, maka hasil terjemahan tidak dapat menyampaikan maksud yang diharapkan dan menjadi kaku. Malah naratif sesuatu dialog akan dirasakan hambar dan tidak memberi kesan psikologi yang sepatutnya.

Kajian ini telah berjaya menerokai satu lagi keperluan meneliti leksikal serta memilih makna denotasi atau makna konotatif dalam konteks dialog yang mengandungi unsur-unsur penceritaan. Kadangkala terjemahan makna denotasi sudah memadai dalam had-had tertentu, tetapi keperluan kepada makna konteks menjadi kritikal untuk memastikan aliran penceritaan lebih lancar dan segar. Maka di sinilah prinsip-prinsip dalam teori terjemahan semantik dan teori terjemahan komunikatif boleh dijadikan panduan.

Kajian lanjutan terhadap leksikal-leksikal dalam teks al-Quran untuk tujuan ketepatan terjemahan wajar diteruskan, khususnya leksikal-leksikal yang nadir dalam wacana bahasa Arab moden. Leksikal jamak dalam al-Quran sebagai contoh boleh mengandungi makna-makna yang lebih mendalam dan mendasar. Sebagai contoh, leksikal *sabīl* (سَبِيل) (jamak: *subul* سُبُل) diterjemahkan sebagai “jalan”. Namun dalam konteks tertentu, leksikal *sabīl* juga merujuk kepada golongan tertentu yang layak menerima zakat seperti *sabillillah*¹ (سَبِيلِ اللَّهِ) dan *ibn sabīl*² (ابن السَّبِيل). Oleh itu, terjemahan yang statik kepada unsur leksikal dalam teks al-Quran boleh menyebabkan terjemahan yang dihasilkan tidak tepat dengan konteks ayat dan keseluruhan makna teks.

Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai penuh oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) [kod projek: 600-IRMI/DANA 5/3ARAS (0105/2016)]. Penulis amat berterima kasih kepada UiTM kerana membiayai penyelidikan ini.

Nota

1. *Ma'na (fisabilillah) fi ayāh al-Zakāh*. 2018. <https://fatwa.islamonline.net/54> (dicapai pada 25 Disember 2018).
2. *Man ibn al-sabīl allazi yu'tā minhu al-zakāh?* 2018. <https://islamqa.info/ar/35889> (dicapai pada 25 Disember 2018).

Lampiran

Terjemahan leksikal *qāla* dan derivasinya dalam surah al-Kahf

Bil.	Dialog yang mengandungi leksikal <i>qāla</i> dan derivasinya	Terjemahan
1.	suk4	Berkata
2.	suk5	Dikatakan
3.	suk10	Berdoa
4.	suk14	Berkata, mengatakan (2x)
5.	suk19	Ujar, jawab, ujar (3x)
6.	suk21	Berkata, ujar (2x)
7.	suk22	Berkata, berkata, berkata, katakanlah (4x)
8.	suk23	Berkata

(bersambung)

(sambungan)

Bil.	Dialog yang mengandungi leksikal <i>qāla</i> dan derivasinya	Terjemahan
9.	suk24	Berdoalah
10.	suk26	Katakanlah
11.	suk29	Katakanlah
12.	suk34	Berkata
13.	suk35	Seraya berkata
14.	suk37	Lalu berkata
15.	suk39	Berkata
16.	suk42	Berkata
17.	suk49	Berkata
18.	suk50	Berfirman
19.	suk52	Berfirman
20.	suk60	Berkata
21.	suk62	Berkata
22.	suk63	Jawab
23.	suk64	Ujar
24.	suk66	Berkata
25.	suk67	Menjawab
26.	suk69	Jawab
27.	suk70	Menjawab
28.	suk71	Lalu berkata
29.	suk72	Menjawab, berkata (2x)
30.	suk73	Ujar
31.	suk74	Ujar
32.	suk75	Berkata, katakan (2x)
33.	suk76	Ujar
34.	suk77	Berkata
35.	suk78	Menjawab
36.	suk83	Jawablah
37.	suk86	Lalu berfirman
38.	suk87	Jawab
39.	suk88	Berkata

(bersambung)

(sambungan)

Bil.	Dialog yang mengandungi leksikal <i>qāla</i> dan derivasinya	Terjemahan
40.	suk94	Berkata
41.	suk95	Jawab
42.	suk96	Berkata, berkata (2x)
43.	suk98	Ujar
44.	suk103	Katakanlah
45.	suk109	Katakanlah
46.	suk110	Katakanlah

Rujukan

- Abd. Ghani Shamsudin. (1999). Peranan ulama dan institusi agama dalam meningkatkan penggunaan terjemahan dan transliterasi yang tepat. In *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-7: Penterjemahan teks agama*, eds. Abdullah Hasan, Fikret Karcic, Abdelhamid Salhi, Saidah Kamin, Zaleha Abidin, Haniza Lockman, Dahlina Daut Mohmud and Md. Sharit Bharuddin, 169–172. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rauf Hassan, Norainawati Hamzah, Khairul Amin and Abdul Halim. 2005. *Kamus Arab-Melayu Oxford* (KAMO). Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Ahmad Sanuwari Long. 2007. *Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian Islam* (3rd ed.). Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Muhammad and Abdullah Hassan. 2011. *Tesaurus bahasa Melayu edisi kedua* (TBMEK). Batu Caves, Selangor: PTS Profesional Publishing.
- Awang Had Salleh. 1959. Sedikit tentang makna. *Dewan Bahasa* Januari: 633–640.
- Fotion, N. 1995. Pragmatic. In *The Oxford Companion to philosophy*, p. 709. Oxford: Oxford University Press.
- Gleason, H.A. 1965. *Linguistics and English grammar*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Goh Sang Seong. 2009. Ketepatan makna padanan kata kerja berdasarkan analisis semantik. In *Penterjemah bahasa Cina–bahasa Melayu*, eds. Radiah Yusoff and Goh Sang Seong, 157–172. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- _____. 2011. Penterjemahan kata kerja bahasa Cina–bahasa Melayu: Satu analisis ketepatan makna padanan. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 11(1): 35–36.
- Grundy, P. 2000. *Doing pragmatics* (2nd ed.). London: Arnold.
- Hamka, Abdul Malik Karim Amrullah. 1984. *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Harimurti Kridalaksana. 1984. *Kamus linguistik*. Jakarta: P.T. Gramedia.
- Ḥassan Sa‘īd al-Karmy. 2000. *Al-Mughni al-Fa‘īd ‘Araby-Englīzi*. Beirut: Maktabah Lubnan.

- Indirawati Zahid and Fatmawati Sidik. 2012. Analisis komponen makna kata kerja dalam slogan iklan produk kecantikan muka. *Jurnal Bahasa* 12(2): 256–281.
- Ismail Dahaman, Akmar Aini Haji Saidin, Mohd. Zulkifli Bahari, Muslimah Othman, Norlia Mohamed, Zaiton Darois, Jumiya Ahmad, Mariam Mahmud and Noor Ein Mohd. Nor. 2010. *Tesaurus bahasa Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. 1988. On the grammar – Cognition interface: The principle of full interpretation. In *Mental representations: The interface between language and reality*, ed. R.M. Kempson, 199–224. Cambridge: Cambridge University Press.
- _____. 1991. *Teori semantik* (translated by Zaiton Ab. Rahman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krzyszowski, T.P. 1990. *Contrastive language: The scope of contrastive language*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Larson, M.L. 2007. *Al-Tarjamah wa al-Ma'nā Dalīl al-Takāfu' 'ibra al-Lughāt* (translated by Muhammad Hilmi Halil). Jāmi'ah Kuwait: Majlis al-Nashr al-'Ilm.
- Leech, G. 1993. *Prinsip pragmatik* (translated by Azhar M. Simin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levinson, S.C. 1983. *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lycan, W. 1995. Philosophy of language. In *The Cambridge dictionary of philosophy*, ed. R. Audi, 586–589. Cambridge: Cambridge University Press.
- Maheram Ahmad. 2008. Permasalahan penterjemahan Arab-Melayu: Satu analisis teks sastra. PhD dissertation, Universiti Malaya. <http://myto.upm.edu.my/myTO/myto/2/papapthesis/590993.html> (accessed 13 May 2018).
- Marzuki Mohd Noor. 2011. *Doa pelajar*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Mazlan Ibrahim, Kamarudin Salleh and Muhd. Najib Abdul Kadir. 2013. *Modenis Melayu dan tafsiran al-Quran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mey, J.L. 1993. *Pragmatics: An introduction*. Oxford: Blackwell.
- Micheal, H. and Houghton, D. 1998. Contrastive analysis and translation. In *Routledge encyclopedia of translation studies*, ed. B. Mona, 45–49. London: Routledge.
- Mohd. Khairi Zainuddin, Mohd. Fuad Mohd. Isa and Mohd. Nazri Zainuddin. 2010a. *Al-Miftah kamus moden Arab-Melayu-Inggeris* (MKMAMI). Shah Alam: Al-Azhar Media Enterprise.
- _____. 2010b. *Kamus Arab-Melayu-Inggeris: Miftāh al-Ṭullāb* (KAMMT). Kuala Lumpur: Al-Azhar Media Enterprise.
- Muhammad Arsyad Abdul Majid. 2009. Terjemahan Arab-Melayu dari sudut makna pengkhususan: Satu analisis pendepanan dalam surah al-Baqarat. PhD dissertation, Universiti Malaya. <http://studentsrepo.um.edu.my/1090/> (accessed 15 January 2018).
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2003. Penggunaan kamus dalam pembelajaran penterjemahan Arab-Melayu. In *Terjemahan dalam bidang pendidikan, Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-92*, ed. Abdullah Hassan, 263–276. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2006. *Glosari pengajian ilmu penterjemahan dan interpretasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. 1350H. *Kamus Arab-Melayu Al-Marbawi* (KAMAM). Egypt: Muṣṭafā al-Halabi al-Bābi wa Awlāduhu.
- Newmark, P. 1981. *Approaches to translation*. Oxford: Pergamon Press.
- _____. 1993. *Paragraphs on translation*. Clevedon: Multilingual Matters.
- _____. 1994. *Pendekatan penterjemahan* (translated by Zainab Ahmad and Zaiton Ab. Rahman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nida, A.E. 1975. *Componential analysis of meaning*. Netherlands: Mouton Publishers.
- _____. 1999. *Menerokai struktur semantic* (translated by Mashudi Kader). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2001. *Contexts in translating*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa and Abdul Hamid Mahmood. 1996. *Tatabahasa Dewan edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Hj Khalid, Muhammad Syukri Hamzah, Hasan Basri Mat Dahan, Abdul Halim al-Muhammadi, Badrul Munir Mohammad Nor, Abdul Halim Muhammad and Ahmad Hanafi Muhammad Ali. 2006. *Kamus besar Arab-Melayu Dewan* (KBAMD). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmer, F.R. 1989. *Semantik* (translated by Abdullah Hassan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qutb, Sayyid. 2000. *Tafsir fi Zilalil Qur'an* (translated by Yusoff Zaky Hj Yacob). Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Al-Rājīhī, ‘Abduh. 1971. *Al-Taṭbīq al-Naḥwi*. Beirut: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- Ramli Md Salleh, Sanat Md. Nasir and Noor Ein Mohd Nor. 1997. *Kamus linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohi Baalaki. 1999. *‘Al-Mawrid: Qāmūs ‘Arabī-Injilizī’* (Al-Mawrid kamus Arab-Inggeris). Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- Stalnaker, R. 1972. Pragmatics. In *Semantics of natural language*, eds. D. Davidson and G. Harmon, 380–397. Bordrecht: Reidel.
- Al-Syawkāni, Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad. 1964. *Fath al-Qadīr al-Jamī‘ Bayna Fannay al-Riwāyaṭ wa al-Dirāyaṭ min ‘Ilmi al-Tafsīr*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.
- Teuku Iskandar and Baharuddin Zainal. 2005. *Kamus Dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Tujībī, Abu Yaḥyā Muḥammad bin Samādīh. 1984. *Mukhtaṣar Tafsīr al-Ṭabarī*. Syria: Dār al-Fajr al-Islāmī.
- Al-Zahabi, Muhammad Husyan. 2005. *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*. Cairo: Dār al-Hadīth.